

Headline	HIV makin MEMBIMBANGKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	825,000
Page No	E28	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	461 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hidayatul Akmal Ahmad	AdValue	RM 17,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,424



# HIV makin MEMBIMBANGKAN

## Kematian akibat AIDS di Malaysia meningkat 20 peratus

Oleh Hidayatul Akmal Ahmad

hidayatulakmal@hmetro.com.my

**K**ementerian Kesihatan menjanggarkan, kadar HIV dalam kalangan penagih dadah, pekerja seks dan penagih seks sesama jantina ialah 12 peratus manakala menurut Agensi AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNAIDS), kematian akibat AIDS menurun sebanyak hampir 40 peratus di rantau Asia Pasifik sejak 2005.

Sebaliknya di Malaysia ia meningkat kira-kira 20 peratus. Kes pertama dikesan pada 1981 di California, Amerika Syarikat.

Pada akhir 2013, dianggarkan hampir 32 juta orang hidup dengan jangkitan HIV. Di Malaysia, kes HIV pertama dilaporkan pada 1986. Pada Mei lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, situasi semakin membimbangkan apabila berlaku peningkatan jumlah mereka yang hidup dengan HIV (PLHIV) dalam kalangan belia berusia 20 hingga 30 tahun.

Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, kesedaran mengenai jangkitan HIV/AIDS perlu disampaikan kepada orang awam agar mereka sentiasa bersedia dengan maklumat berguna.

“Berdasarkan pengalaman kami di Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC), sejumlah besar daripada mereka yang dijangkiti HIV tidak menyedari mengenai jangkitan sebelum mengalami gejala penyakit.

“Selain itu, penyelidikan kami di Jabatan Penyakit Berjangkit dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan AIDS juga memberi tumpuan pada golongan terpinggir seperti penagih dadah, lelaki yang melakukan hubungan seks sama jantina (MSM) dan pekerja seks untuk melakukan ujian HIV secara berkala,” katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran pusat sehati dan portal Teman-teman di Bangsar, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada 2013, hampir 3,400 kes HIV di Malaysia dilaporkan dengan purata sembilan kes sehari manakala ada kira-kira 86,324 kes PLHIV iaitu 0.44 peratus daripada jumlah populasi.

Sehingga akhir 2013, jumlah kes PLHIV sebanyak 85,332 kes dengan jumlah kes kumulatif HIV dikesan 101,672 dan jumlah kematian 16,340 kes. Jumlah PLHIV dijangka meningkat ke

91,733 menjelang 2015.

Lelaki sebahagian besar golongan berkenaan dengan kes kumulatif HIV di negara ini iaitu 78.5 peratus. Pada 2013, 21.5 peratus dalam kalangan lelaki mendapat jangkitan melalui penggunaan suntikan dadah dan 73.6 peratus menerusi hubungan seksual.

Kebanyakan jangkitan HIV dalam kalangan wanita berlaku melalui heteroseksual, berkaitan dengan tingkah laku yang mengarah kepada jantina berlainan iaitu dengan jumlah 51.4 peratus.

Turut hadir selebriti popular Diana Danielle dan Carmen Soo sekali gus menjadi duta untuk laman portal berkenaan. Hadir sama Pengarah Projek Teman-Teman.org, Tarandeep Anand.

Pusat sehati berkenaan turut menggunakan kecanggihan sosial media untuk menjalankan kempen secara interaktif. Projek komuniti berkenaan dicipta Purple Haze Asia yang diasaskan Pusat Kajian Thai Red Cross AIDS Research Centre dan mendapat dana daripada ViiV Healthcare serta American Foundation for AIDS Research. Ia turut mendapat sokongan UMMC dan CERiA.

Maklumat lanjut layari [www.TemanTeman.org](http://www.TemanTeman.org).

Headline	HIV makin MEMBIMBANGKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	825,000
Page No	E28	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	461 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hidayatul Akmal Ahmad	AdValue	RM 17,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,424

“Berdasarkan pengalaman kami di Pusat Perubatan Universiti Malaya (UMMC), sejumlah besar daripada mereka yang dijangkiti HIV tidak menyedari mengenai jangkitan sebelum mengalami gejala penyakit”

**Profesor Dr Adeeba Kamarulzaman**



**ADEEBA (dua dari kanan), Tarandeep (dua dari kiri), Carmeen (kiri) dan Diana (kanan).**